PERSATUAN MEMANAH
HULU LANGAT
ARCHERY ASSOCIATION

Rujuk kami : HLA/024-011
Tarikh : 20 MAC 2024

***Peminat, penggalak, ibubapa, jurulatih dan atlet sukan memanah.***

Tuan,

**JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH SIRI 5/2024**

Assalamu'alaikum wrt.

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Persatuan Memanah Daerah Hulu Langat (HLA) dengan kerjasama Persatuan Memanah Selangor (SELAR) dan Persatuan Memanah Selang, berhasrat untuk menganjurkan **KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH** mengikut ketetapan seperti berikut:

a. Tarikh : **18 hingga 19 MEI 2024**.
b. Lokasi : **Sekolah Kebangsaan Saujana Impian (SBT), Kajang, Selangor.**

3. Bersama ini dilampirkan maklumat lanjut berkenaan kursus berkenaan.

4. Sehubungan dengan ini, pihak Persatuan menjemput tuan untuk menyertai kursus ini. Kursus ini akan dikendalikan oleh fasilitator lantikan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) dan melayakkan tuan untuk menyertai Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1.

5. Besar harapan kami agar pihak tuan dapat bersama-sama menyertai kurus ini. Kerjasama dan sokongan tuan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang menjalankan amanah,

**TN HJ MOHAMAD NORWAFI BIN SAHRONI**
Presiden
Persatuan Memanah Daerah Hulu Langat (HLA)

**KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH SIRI 5/2024**

# MAKLUMAT KURSUS

| | |
|---|---|
| **NAMA KURSUS** | Kursus Asas Kejurulatihan Memanah Siri 5/2024 |
| **PENGANJUR** | Persatuan Memanah Daerah Hulu Langat (HLA) |
| **DENGAN KERJASAMA** | Persatuan Memanah Selangor (SELAR)<br>Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)<br>Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) |
| **TARIKH** | 18 dan 19 MEI 2023 |
| **TEMPAT** | Sekolah Kebangsaan Saujana Impian (SBT)<br>Kajang, Selangor |
| **YURAN** | RM 260.00 / orang |
| **PENYERTAAN** | Terhad kepada 60 orang sahaja |
| **SYARAT PERMOHONAN** | • Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.<br>• Sijil Penyertaan akan dikeluarkan oleh NAAM. |
| **JADUAL** | ***Tarikh : 18 MEI 2023***<br>*8.00 – 9.00 pagi : Pendaftaran & Sarapan Pagi*<br>*9.00 – 10.30 pagi : Pengenalan Peralatan*<br>*11.00 – 12.30 tghari : Etika Kejurulatihan*<br>*2.30 – 4.00 petang : Teknik Asas Memanah*<br>*4.30 – 5.30 petang : Praktikal Memanah*<br>***Tarikh : 19 MEI 2023***<br>*9.00 – 10.30 pagi : Bow tuning*<br>*11.00 – 12.30 tghari : Praktikal Memanah*<br>*2.30 – 4.00 petang : Praktikal Memanah*<br>*4.30 – 5.30 petang : De-briefing & penutup.* |
| **PENDAFTARAN** | Pendaftaran adalah melalui MAREOS NAAM.<br>Sila klik<br>https://mareos.masarchery.org<br>Atau imbas kod QR |
| **TARIKH TUTUP** | 13 MEI 2024 atau tempat telah dipenuhi, mana yang lebih dahulu. |
| **PERTANYAAN** | • Puan Dahlia Mohlisi (019-3202321)<br>• Mejar (B) Hj Amir Suharman Adnan (012-3077023) |
| **TANGGUNGJAWAB PESERTA** | • Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alatulis semasa kursus adalah tanggungjawab peserta sendiri kecuali dimaklumkan oleh pihak penganjur.<br>• Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak naam |

| | |
|---|---|
| | tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.<br>• Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.<br>• Semua peserta kursus haruslah berpakaian sukan, kemas dan tidak mencolok mata.<br>• Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlengan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah tidak dibenarkan.<br>• Semua peserta diwajibkan berkasut sukan di sepanjang kursus berlangsung.<br>• Semua peserta diwajibkan membawa peralatan memanah sendiri atau di sewa dengan penganjur.<br>• Yuran perlu dijelaskan sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. |
| **TANGGUNGAN** | • Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada persatuan memanah kebangsaan malaysia (naam).<br>• Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa manamana sesi ceramah, poster dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh naam adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis naam.<br>• Peserta dan/atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut. |
| **MAKLUMAT BANK PEMBAYARAN** | BANK : **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**<br>NAMA : **PERSATUAN MEMANAH DAERAH HULU LANGAT**<br>NOMBOR AKAUN : **1209 20100 49015**<br>Sila whatsapp Slip Bayaran Yuran Penyertaan ke Puan Dahlia Mohlisi (019-3202321). |